

Perbelanjaan kementerian capai tahap 99.6 peratus

KUALA LUMPUR 2 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, prestasi perbelanjaan pembangunan bagi semua kementerian untuk tahun lepas mencapai tahap 99.6 peratus.

Perdana Menteri berkata, jumlah perbelanjaan yang tinggi itu adalah hasil tindakan tertentu kerajaan setelah mendapati banyak kementerian tidak menggunakan peruntukan yang disediakan dengan berkesan pada tahun-tahun sebelumnya.

“Setiap tahun, seperti biasa kerap kali kita dapat peruntukan bagi tahun-tahun lepas tidak dihabiskan menyebabkan banyak projek terbengkalai.

“Tetapi pada tahun 2001, atas tindakan istimewa, kita dapat mencapai pelaksanaan hampir semua projek,” katanya ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Railey Jeffrey (BN-Silam)** pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir membidas **Abdul Rahman Yusof**



Laporan
**HELMI MOHD. FOAD dan
NORAINI ABDUL RAZAK**

(Keadilan-Kemaman) yang disifatkannya sebagai tidak berpengetahuan dalam ekonomi negara, tetapi sering membuat pelbagai kenyataan.

Tegasnya, tidak sewajarnya bagi mana-mana pihak membuat kenyataan-kenyataan tanpa berasaskan kepada fakta yang tepat kerana ia akan mengelirukan.

“YB (Yang Berhormat) kerap kali membuat macam-macam kenyataan yang dia tak tahu, tak

berpengetahuan sama sekali.

“Kononnya pelabur dalam negeri tak melabur, pelabur asing lari, tolong bagi angka-angka dan banyak mana,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau sedia menjawab sekali lagi soalan itu selepas Abdul Rahman mengumpul fakta-fakta dan maklumat yang tepat.

Kepada soalan asal dari Railey, beliau berkata, kerajaan yakin mampu mencapai pertumbuhan

ekonomi yang lebih menggalakkan pada tahun ini berikutan pelaksanaan program di bawah pakej rangsangan fiskal.

Katanya, walaupun ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan rendah pada tahun lalu berikutan persekitaran luar yang tidak menentu tetapi suntikan RM7.3 bilion menerusi pakej itu dijangka dapat membantu mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik pada tahun ini.

Katanya, sebanyak RM3 bilion disuntik pada bulan Mac tahun lalu dan tambahan RM4.3 bilion pada bulan September.

Perdana Menteri berkata, sehingga kini, pelaksanaan rangsangan fiskal telah dapat membantu meningkatkan perbelanjaan dan permintaan dalam negeri.

Katanya, penggunaan swasta bertambah sebanyak 2.8 peratus, sektor pembinaan meningkat sekali ganda daripada satu peratus pada tahun 2000 dan industri pembuatan berkaitan bahan binaan meningkat antara 4.7 peratus dan 12.5 peratus.

“Pelaksanaan projek rangsangan fiskal telah memberi keuntungan terutama kepada kontraktor kecil tempatan, bumiputera dan bukan bumiputera serta kepada rakyat luar bandar,” katanya.

Perdana Menteri berkata, pakej rangsangan itu terdiri daripada program kesejahteraan rakyat sebanyak RM1.865 bilion, program sekolah dan universiti (RM1.3 bilion), program peningkatan usahawan (RM1.2 bilion), projek kecil (RM1 bilion), pembinaan kuarters kerajaan (RM970 juta) dan projek lain (RM865 juta).

Beliau menjelaskan, antara program kesejahteraan rakyat termasuk bantuan subsidi penanaman semula kelapa sawit, latihan untuk pekerja yang diberhentikan dan bayaran elaun bagi siswazah program penempatan sementara.

Bagi projek kecil pula, Dr. Mahathir berkata, sebanyak 26,577 projek termasuk pembinaan jalan kecil, menurap jalan, longkang dan pembinaan jambatan akan dilaksanakan menerusi peruntukan tersebut.